



27 FEBRUARI 2025

KENYATAAN MEDIA PEMBENTANGAN PENYATA PAC BERHUBUNG PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Penyata PAC berhubung Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) Di Bawah Kementerian Kewangan Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
2. PAC memulakan prosiding berhubung ABT LHDNM pada 5 November 2024 berdasarkan penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2024 - Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023.
3. Berdasarkan laporan tersebut, didapati bahawa ABT LHDNM pada tahun 2023 adalah berjumlah RM34.591 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM40.385 bilion, iaitu menurun sebanyak RM5.794 bilion (14.3%). Penurunan ABT LHDNM ini disebabkan oleh hapus kira dan taksiran kurangan yang dibangkitkan pada tahun 2023.
4. PAC mengadakan mesyuarat prosiding berhubung isu ini sebanyak tiga (3) kali pada 5 November 2024, 26 November 2024 dan 4 Februari 2025. Saksi-saksi yang hadir memberi keterangan dan penjelasan adalah:
 - i. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan;

- ii. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif, LHDNM; dan
- iii. Encik John Patrick a/l Antonysam, Setiausaha Bahagian Cukai Kementerian Kewangan.

5. Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC membuat sembilan (9) rumusan seperti berikut:

- i. Berlaku peningkatan ketara ABT LHDNM daripada RM18.484 bilion pada tahun 2017 kepada RM43.693 bilion pada tahun 2021, antaranya disebabkan tindakan pematuhan dan penguatkuasaan menerusi audit dan siasatan yang telah dijalankan oleh LHDNM dalam tempoh tersebut;
- ii. Walau bagaimanapun, berlaku penurunan ABT sebanyak RM5.793 bilion (14.3%) pada tahun 2023 kepada RM34.591 bilion berbanding pada tahun 2022 yang berjumlah RM40.384 bilion (berdasarkan pembentangan LHDNM). Penurunan ini adalah disebabkan tindakan hapus kira dan taksiran kurangan;
- iii. Antara perkara yang menyebabkan taksiran kurangan adalah disebabkan rayuan pembayar cukai (56.2%), keputusan mahkamah (8.2%) dan pengecualian cukai di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (35.6%);
- iv. Rayuan berhubung pembayaran cukai dikemukakan oleh perayu kepada Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP) di LHDNM. Panel semakan rayuan terdiri daripada pegawai-pegawai LHDNM yang ditentukan oleh Pengarah JRP yang akan membuat keputusan berdasarkan kepada garis panduan sedia ada;

- v. PAC menyambut baik kenyataan LHDNM kepada Jawatankuasa ini pada 5 November 2024 bahawa penambahbaikan telah dibuat terhadap proses tadbir urus yang mana kes-kes taksiran kurangan membabitkan jumlah melebihi RM10 juta akan dibentangkan di hadapan Jawatankuasa Audit yang dianggotai oleh Lembaga Pengarah LHDNM berkuat kuasa serta merta bagi tujuan pemantauan kepada keputusan-keputusan yang dibuat oleh jabatan yang terlibat;
- vi. Peningkatan amaun hapus kira pada tahun 2023 sebanyak RM523.73 juta (berdasarkan pembentangan LHDNM) berbanding tahun 2022 adalah disebabkan kelulusan perakuan hapus kira tahun 2022 diberikan pada tahun 2023 melibatkan pembayar cukai individu bankrap dan syarikat digulung;
- vii. PAC mendapati bahawa kuasa melulus bagi kelulusan taksiran kurangan/ cukai dilepaskan telah diturunkan kuasa kepada pegawai mengikut peringkat-peringkat sama ada di jabatan atau di negeri. Tiada had amaun yang ditetapkan bagi kelulusan taksiran kurangan yang diberikan kepada pegawai-pegawai tersebut. Perkara ini dilihat sebagai satu *loophole* yang boleh membuka ruang kepada ketirisan;
- viii. Mengambil kira perbincangan dan perkara-perkara yang dibangkitkan semasa prosiding PAC, LHDNM telah membawa isu berhubung dengan had kuasa [*Limit of Authority* (LOA)] kelulusan taksiran kurangan ke Mesyuarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Bil.1/ 2025 pada 1 Januari 2025. Hasilnya, arahan operasi baharu yang menentukan had kelulusan taksiran kurangan/ cukai yang dilepaskan telah dikeluarkan pada 31 Januari 2025; dan

ix. Sebagai pemantapan proses pemungutan, LHDNM menggunakan ReMS 2.0 yang merupakan sistem yang dibangunkan secara dalaman dan membolehkan pegawai mengesan kes-kes ketidakpatuhan dalam proses pemungutan. Penguatkuasaan pelaksanaan e-Invois akan membantu pengutipan cukai dengan lebih berkesan.

6. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan lima (5) perkara untuk dilaksanakan seperti berikut:

- i. Pihak LHDNM perlu meneruskan tindakan pematuhan dan penguatkuasaan bagi memastikan taksiran yang dibangkitkan dapat dipungut dan tidak menjadi ABT seterusnya meningkatkan hasil Kerajaan;
- ii. LHDNM perlu menambah baik proses pentaksiran cukai bagi mengurangkan kes rayuan;
- iii. LHDNM harus memastikan bahawa undang-undang perlu diketatkan bagi memastikan tidak berlaku ketirisan dan penipuan dalam pembayaran cukai;
- iv. LHDNM perlu melaporkan status pelaksanaan e-Invois agar kaedah ini dipermudahkan kepada pembayar-pembayar cukai dalam pada masa yang sama pungutan cukai dapat dipertingkatkan; dan
- v. LHDNM perlu meningkatkan program mengenai kepatuhan undang-undang cukai kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya syarikat dan individu yang menjana pendapatan daripada ekonomi digital.

7. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Penyata PAC berhubung Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) Di Bawah Kementerian Kewangan Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia boleh memuat turun (*download*) penyata berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin